

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Duti Hiburan 1953.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Duti Hiburan (Pindaan) 1990.

Tajuk ringkas.

2. (1) Akta Duti Hiburan 1953, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) seksyen 12 dengan yang berikut:

Pindaan seksyen 12. Akta 103.

"(1) Menteri Kewangan boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan,—

(a) apa-apa kelas hiburan; dan

(b) bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan apa-apa hiburan,

daripada bayaran duti hiburan."

(2) Segala perintah pengecualian yang berupa sebagai telah dibuat di bawah subseksyen (1) seksyen 12 dalam tempoh di antara 3hb Mei 1982 dengan tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini adalah dengan ini disahkan dan disifatkan telah dibuat menurut undang-undang dan segala hiburan yang dikecualikan daripada bayaran duti hiburan

RANG UNDANG-UNDANG

di bawah perintah-perintah itu adalah dengan ini disifatkan telah dikecualikan menurut undang-undang, menurut subseksyen (1) seksyen 12 Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh subseksyen (1) seksyen ini, seolah-olah subseksyen (1) tersebut telah berkuatkuasa semasa perintah-perintah itu dibuat dan hiburan-hiburan itu dikecualikan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Dud Hiburan 1953.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 12(1) Akta ibu untuk memberi kuasa kepada Menteri Kewangan memberikan pengecualian daripada pembayaran duti hiburan berkenaan dengan apa-apa hiburan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. *Fasal 2 (2)* bertujuan untuk menjadikan sah dan menurut undang-undang apa-apa pengecualian yang telah dibuat dan pengecualian yang telah diberikan oleh Menteri Kewangan di antara 3hb Mei 1982 dengan tarikh mula berkuatkuasanya pindaan ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1619.]